

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/dunia/asia/2022/10/1011984/tanggung-potong-pengeluaran-minyak-mentah-boleh-beri-implikasi-negatif>

### Tanggung potong pengeluaran minyak mentah boleh beri implikasi negatif ekonomi dunia – OPEC



Foto fail REUTERS

RIYADH: Arab Saudi memberitahu Amerika Syarikat (AS) bahawa penangguhan keputusan Pertubuhan Negara Pengeluar Petroleum (OPEC) dan sekutunya (OPEC+) memotong pengeluaran minyak mentah boleh memberi implikasi negatif kepada ekonomi dunia, kata Kementerian Luar dalam satu kenyataan.

"Kerajaan menjelaskan melalui rundingan berterusan dengan pentadbiran AS bahawa semua analisis ekonomi menunjukkan penangguhan keputusan OPEC+ dalam sebulan, berdasarkan apa yang disyorkan akan mengakibatkan kesan negatif kepada ekonomi," katanya.

Selain itu, Arab Saudi juga menolak beberapa kenyataan yang mengkritik ketetapan itu selepas keputusan OPEC+ hujung minggu lalu untuk memotong bekalan minyak mentah.

Anggota OPEC+ bersetuju memotong bekalan sehingga dua juta tong sehari pada 5 Oktober lalu.

Presiden AS, Joe Biden, individu yang cuba menghentikan Russia dan Presiden Vladimir Putin daripada meraih keuntungan susulan perang negara itu terhadap Ukraine, menyelar keputusan itu sebaik saja OPEC mengumumkan pemotongan bekalan minyak mentah di Vienna.

Biden turut mengugut berdasarkan kenyataannya iaitu akan terdapat implikasi terhadap hubungan Arab Saudi-AS berikutan langkah OPEC+ itu, namun tidak menjelaskan apa yang pentadbirannya mahu lakukan, lapor agensi berita Arab News.

Sementara itu, kenyataan Kementerian Luar Arab Saudi pula berkata, kritikan terhadap kerajaan itu seolah-olah berpihak kepada konflik antarabangsa atau menyokong pemotongan atas alasan politik sebagaimana didakwa AS adalah tidak berasaskan sana sekali selain menjelaskan kritikan terhadap keputusan OPEC+ itu juga dibuat di luar konteks ekonomi.

Menurut kementerian itu, perjanjian antara negara OPEC+ dibuat secara sebulat suara selain berusaha untuk mengimbangi bekalan serta permintaan bagi membantu mengekang turun naik pasaran.

Tambahan pula, tindakan Arab Saudi menolak sebarang percubaan untuk melencongkan daripada matlamat adalah bagi melindungi ekonomi global daripada turun naik pasaran minyak.

Menteri Tenaga Arab Saudi, Putera Abdulaziz bin Salman, berkata keutamaan pihaknya ketika ini adalah untuk kestabilan pasaran berdasarkan permintaan dan pelaburan.

"Mantera itu mungkin boleh diterima jika kami sengaja melakukan perkara ini untuk menaikkan harga dan itu tidak ada dalam radar kami. Radar kami adalah memastikan kami melestarikan pasaran," katanya. - AGENSI